

Kuamut Rainforest Conservation Project

RINGKASAN EKSEKUTIF:

LAPORAN PEMANTAUAN PERTAMA (11 DISEMBER, 2015, HINGGA 31 DISEMBER, 2021)



Project Overview

Tajuk Projek: Projek Pemuliharaan Hutan Hujan Kuamut

ID Projek: 2609

ID Laporan: KRCP_MR_1

Versi: 3.9

Tarikh Penerbitan: 25-Mac-2024

Lokasi Projek: Sabah, Malaysia

Pencadang Projek: Permian Malaysia Sdn. Bhd

Gambaran Keseluruhan

Projek Pemuliharaan Hutan Hujan Kuamut (KRCP) merupakan satu inisiatif berterangkum yang bertujuan untuk menggunakan tanah secara mampan, melalui usaha pemuliharaan hutan, menggalakkan pemulihan secara semula jadi serta meningkatkan peluang menjana pendapatan untuk masyarakat tempatan di Sabah, Malaysia. Projek ini meliputi kawasan seluas 83,381 hektar dan beroperasi di bawah tempoh perakaunan dan pengkreditan gas rumah hijau (GHG) selama 30 tahun, iaitu dari 11 Disember 2015 hingga 31 Disember 2045. Laporan ini merangkumi tempoh pemantauan dari 11 Disember 2015 hingga 31 Disember 2021.

Pencapaian Utama

Perlindungan Hutan dan Penukaran Guna Tanah yang Sah:

- Projek ini telah menukar guna sejumlah 83,381 hektar tanah kepada Hutan Simpan Kelas 1, lantas mewartakannya sebagai kawasan perlindungan untuk tujuan pemuliharaan. Proses ini telah dilaksanakan melalui dua fasa yang signifikan: 69,454 hektar diwartakan bermula Disember 2015, manakala 13,927 hektar telah ditambah pada Disember 2016.
- Pewujudan pos pengawal di laluan masuk utama dan pelaksanaan rondaan berkala, termasuk rondaan helikopter dan lawatan lapangan, untuk memantau dan melindungi kawasan tersebut daripada aktiviti haram.

Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi:

- Peningkatan status perlindungan di kawasan projek telah menghalang aktiviti pembalakan serta gangguan lain, lantas memberi peluang kepada hidupan liar untuk kembali pulih. Keadaan ini telah memberi manfaat kepada kepelbagaian biologi dan hidupan liar yang terdapat di sekeliling kawasan perlindungan, seterusnya memudahkan cara penyebaran spesies dan kepelbagaian genetik.

- Kepentingan hutan hujan Kuamut sebagai koridor kepelbagaian biologi telah disahkan melalui beberapa kajian ekologi berskala-landskap dan merentas keseluruhan negeri, yang telah dijalankan dalam tempoh pelaporan ini.

Peluang Pekerjaan dan Latihan Masyarakat:

- Projek ini telah memberi peluang pekerjaan kepada 24 individu merentas pelbagai bidang yang berkaitan dengan pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti projek. Ini termasuk lapan kakitangan yang ditugaskan khusus untuk melaksanakan rondaan berkala bagi menghalang pembalakan dan pemburuan haram.
- Projek ini mempunyai tujuan untuk menggaji sekurang-kurangnya 40 orang pekerja sepenuh masa dalam tempoh projek, dengan matlamat bahawa 50% daripadanya merupakan wanita.
- Program latihan telah dijalankan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan masyarakat, dan telah memanfaatkan 115 orang dalam tempoh pemantauan. Program-program ini meliputi pelbagai bidang seperti perakaunan dan pengurusan, kemahiran pertanian organik, pemprosesan makanan, keusahawanan, penghasilan kraftangan, dan ekopelancongan berdasarkan komuniti.

Perlindungan Flora Jarang Dijumpai, Rentan dan Terancam (RTE)

- Kajian yang dijalankan oleh Permian Malaysia pada tahun 2016 dan tahun-tahun berikutnya telah mengenal pasti 34 spesies pokok RTE dalam kawasan projek. Ini termasuk enam spesies yang terancam secara kritikal, lima species terancam, dan 23 species rentan.
- Intervensi projek ini telah memastikan perlindungan penuh bagi spesies tersebut dengan menghalang pembalakan dan gangguan manusia yang lain.

Perlindungan Habitat Fauna:

- Projek ini telah melindungi habitat untuk beberapa spesies terancam, termasuk orang utan Borneo, gajah Borneo, dan Enggang tebang mentua. Usaha perlindungan dan pemuliharaan telah memberi manfaat yang signifikan kepada spesies ini.
- Kajian yang telah dijalankan antara tahun 2014 dan 2017 menganggarkan bahawa kira-kira 630 orang utan Borneo hidup dalam kawasan projek.

Peningkatan Tahap Kesihatan, Pendidikan dan Pendapatan Masyarakat Tempatan:

- Projek ini telah melaksanakan aktiviti yang meningkatkan tahap perkhidmatan kesihatan, pendidikan, peluang pekerjaan dan keusahawanan untuk masyarakat tempatan.
- Perkhidmatan kesihatan telah ditingkatkan, dengan 245 orang menerima bantuan makanan semasa pandemik COVID-19, manakala akses kepada tenaga dan air bersih telah ditambah baik untuk banyak isi rumah, dan dua orang guru prasekolah telah disokong melalui dana projek.
- Inisiatif pendidikan telah merangkumi pelbagai program latihan yang memberi manfaat kepada 115 orang penduduk tempatan. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan bagi sekurang-kurangnya 900 orang dalam tempoh projek.

Pengurangan Pelepasan GHG:

- Projek ini telah berjaya mengurangkan pelepasan bersih sebanyak 4,839,740.67 tCO₂e dalam tempoh pemantauan. Pengurangan yang signifikan ini menyumbang secara langsung kepada usaha mitigasi perubahan iklim di peringkat global.

Menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) PBB:

Projek Kuamut menyokong beberapa SDG, termasuk tiada kemiskinan; kelaparan sifar; kesihatan yang baik dan kesejahteraan; pendidikan berkualiti; kesaksamaan gender; air bersih dan sanitasi; pekerjaan yang sesuai dan pertumbuhan ekonomi; industri, inovasi dan infrastruktur; bandar dan masyarakat tempatan yang mampan; penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab; tindakan iklim; dan kehidupan di darat.

01 | 02 | 03 | 04 | 05 | 06 | 07 | 08 | 09 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17

Pelaksanaan dan Pemantauan Projek

Projek ini menggunakan gabungan Teknik kajian lapangandan teknologi penderiaan jauh untuk memantau pertumbuhan semula hutan, menguatkuaskan langkah-langkah perlindungan dan menguruskan risiko. Libat urus masyarakat tempatan dijalankan mengikut proses Keizinan Bebas dan Termaklum Awal (FPIC), dengan memastikan penglibatan masyarakat tempatan, ketelusan dan perkongsian manfaat. Aktiviti pelaksanaan utama termasuk:

Perlindungan Hutan:

- Pewujudan pos pengawal dan pelaksanaan rondaan berkala untuk menghalang pembalakan dan pemburuan haram.
- Menggunakan data penderiaan jauh untuk memantau perubahan kanopi hutan dan mengesan aktiviti penyahutan yang berpotensi.

Pemantauan Kepelbagaian Biologi:

- Mengumpulkan dan menganalisa maklumat daripada pelbagai kajian dan aktiviti pengurusan kepelbagaian biologi.
- Menjalankan kajian dan pemantauan kepelbagaian biologi yang berkala untuk memastikan perlindungan habitat dan spesies yang kritikal.

Libat urus Masyarakat Tempatan dan Meningkatkan Peluang Menjana Pendapatan:

- Pelaksanaan proses FPIC melalui konsultasi dan libat urus untuk mengenal pasti masyarakat tempatan yang berkaitan dan mendapatkan keadaan garis dasar.
- Membangunkan satu Pelan Tindakan dan Pemantauan Masyarakat Tempatan untuk memandu pelaksanaan projek dan memastikan keselarian dengan matlamat dan keperluan projek serta piawaian antarabangsa.

Pembangunan Kapasiti dan Latihan:

- Menyediakan program latihan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan masyarakat tempatan, dengan memfokuskan terhadap amalan pertanian mampan, keusahawanan, dan aktiviti menjana pendapatan yang lain.
- Menyokong inisiatif pendidikan tempatan dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan dan air bersih.

Pengurusan Risiko dan Mitigasi

Projek ini menangani risiko yang berpunca daripada aktiviti manusia dan semula jadi, melalui perlindungan langkah penguatkuasaan dan penglibatan masyarakat tempatan yang berterangkum. Strategi-strategi utama termasuk:

Mitigasi Risiko Semula Jadi:

- Melaksanakan tindakan untuk melindungi dan memulihkan ekosistem semula jadi, dengan

menjadikannya lebih berdaya tahan kepada gangguan semula jadi seperti kebakaran hutan, haiwan perosak, dan cuaca ekstrem

Mitigasi Risiko yang berpunca daripada aktiviti manusia:

- Menjalankan rondaan dan pemantauan berkala untuk menghalang pembalakan dan pemburuan haram.
- Melibatkan masyarakat tempatan dalam aktiviti projek untuk memastikan sokongan jangka panjang dan mengurangkan risiko impak yang berpunca daripada aktiviti manusia.

Pengurusan Risiko Kebocoran dan Tidak Kekal

- Pemantauan dan pengurusan risiko kebocoran yang disebabkan oleh peralihan aktiviti dan kebocoran pasaran.
- Menganalisa faktor risiko tidak kekal dan melaksanakan langkah-langkah mitigasi untuk memastikan manfaat jangka panjang projek.

Pematuhan Kewangan dan Undang-undang

Permian Malaysia Sdn. Bhd. beroperasi melalui pembiayaan pelaburan yang terjamin dan menjana pendapatan melalui penjualan unit karbon yang diverifikasi (VCU). Projek ini mampu dari segi kewangan dan mematuhi semua undang-undang negara dan tempatan yang berkaitan. Aspek utama termasuk:

Kesihatan Kewangan:

- Projek ini disokong oleh pembiayaan pelaburan yang terjamin dan menjana pendapatan daripada penjualan VCU, lantas memastikan semua aktiviti projek terlaksana.

Pematuhan Undang-undang:

- Projek ini beroperasi dengan mematuhi semua undang-undang Sabah dan Malaysia, lantas menjadi contoh amalan terbaik berkenaan terma, syarat dan amalan pekerjaan.
- Kawasan projek tidak mempunyai sebarang pertikaian tanah dan sumber sedia ada, serta projek tersebut tidak mempunyai pengetahuan tentang sebarang perubahan undang-undang atau peraturan yang mungkin memberi kesan kepada aktiviti-nya.

Langkah Anti-Rasuah:

- Melaksanakan amalan pengurusan kewangan yang ketat, termasuk audit dalaman serta audit luar dan bebas yang berkala, untuk mencegah rasuah dan tingkah laku yang tidak beretika.
- Mengkalkan dasar bebas rasuah yang melarang

rasuah, penyelewengan, penipuan, pilih kasih, kromisme, nepotisme, pemerasan dan pakatan sulit

Libat Urus Masyarakat Tempatan dan Pemegang Taruh

Projek ini memberi penekanan kepada libat urus masyarakat tempatan dan pemegang taruh, memastikan ketelusan, penyertaan dan perkongsian manfaat. Aktiviti utama termasuk:

Akses Pemegang Taruh kepada Maklumat:

- Menyebarluaskan ringkasan dokumen projek dan menganjurkan mesyuarat untuk memastikan pemegang taruh dimaklumkan tentang aktiviti dan perkembangan projek.

Konsultasi Komuniti dan FPIC:

- Menganjurkan konsultasi dan libat urus masyarakat tempatan untuk mengumpulkan input, menangani kebimbangan, dan mendapatkan persetujuan masyarakat tempatan untuk aktiviti projek.
- Menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Masyarakat Tempatan untuk mewakili suara penduduk dan memudahkan komunikasi dengan pasukan projek.

Mekanisme Penyelesaian Aduan:

- Melaksanakan mekanisma penyelesaian aduan untuk menangani sebarang konflik atau rungutan yang mungkin timbul semasa pelaksanaan projek.
- Memastikan aduan disampaikan, disemak dan diberi maklumbalas segera, dengan mendapatkan pengantara pihak ketiga yang berkecuali jika perlu.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Edward Rumsey

Managing Partner, Permian Global

Edward.rumsey@permianglobal.com

Ivy Wong Abdullah

CEO, Permian Malaysia

Ivy.wong@permianglobal.com



SEARRP
South East Asia
Rainforest Research
Partnership

**PERMIAN
GLOBAL**